

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH :
SOALAN :

YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat membina Hospital Umum kedua di Ipoh memandangkan hospital Kerajaan yang sedia ada adalah terlalu sesak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan masalah kesesakan di Hospital Ipoh. Bagi mengatasi kesesakan di Hospital Ipoh, sebuah blok tambahan yang menyediakan perkhidmatan Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi sedang dalam pembinaan dan dijadualkan siap pada pertengahan 2017. Apabila blok tambahan ini siap, perkhidmatan obstretik, ginekologi dan pediatrik akan berpindah ke blok baru dan ruang yang ditinggalkan akan menampung keperluan disiplin-disiplin lain. Dengan itu, masalah kesesakan dapat dikurangkan. Selain itu, KKM juga di dalam proses menaiktaraf perkhidmatan kepakaran hospital-hospital lain yang berhampiran merujuk pesakit ke Hospital Ipoh.

**MESUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

SOALAN : 442

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah keluarga Orang Asli di Kg. Perje dan di Pos Poi dan bilangan antara mereka yang merupakan peserta projek perladangan kelapa sawit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli telah melaksanakan projek pembangunan ekonomi bagi meningkatkan pendapatan kepada masyarakat orang asli. Di Pos poi, terdapat seramai 206 peserta orang asli telah terlibat dengan projek tanaman kelapa sawit yang merangkumi keluasan sebanyak 724.56 hektar. Di samping menerima dividen bulanan secara tetap RM 450.00, para peserta juga diberi keutamaan bekerja di ladang tersebut yang boleh menyumbang pendapatan tamabahan sebanyak RM 900- RM 1,500.

Bagi projek tanaman sawit di Kg. Perje pula, seramai 26 orang adalah merupakan peserta projek di Projek Tanam Semula Komersial Rancangan Pengumpulan Semula Legap yang merangkumi keluasan sebanyak 700 hektar.

Projek tanaman sawit ini memberi faedah kepada 26 peserta Orang Asli dengan dividen dibayar sebanyak RM450 sebulan. Selain itu, peserta juga diberikan peluang untuk pekerjaan sebagai buruh ladang untuk menambah pendapatan.

SULIT

SOALAN: 443

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. LEE BOON CHYE [
GOPENG]**

SOALAN :

YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan pengundi baru sejak PRU 13, mengikut Kawasan Parlimen.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dari Pilihan Raya Umum Ke-13 hingga Daftar Pemilih Suku Tahun Kedua Tahun 2016 (ST 2/2016) adalah sebanyak 798,641 orang.

Sekian. Terima kasih.